

# Kerajaan mahu Melayu dapat beli semula

## Tawaran pada kadar semasa jadikan harga makin mahal: PM

Oleh Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan sukar menawarkan harga tinggi kepada pemilik tanah Kampung Baru bagi memastikan orang Melayu dapat membeli semula hartanah di situ selepas pembangunan dilaksanakan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Jika kerajaan menawarkan harga tanah pada kadar semasa, kata Perdana Menteri, harga pembangunan di Kampung Baru akan turut meningkat.

"Kita lihat di mana orang Melayu memiliki tanah, mereka miskin, mereka jual dengan harga baik, tetapi mereka tak dapat balik dah (hartanah berkenaan). Tanah itu akan dimiliki orang lain.

"Kampung Baru ini, kita perlu penghuninya terdiri daripada orang Melayu dan kebanyakan

orang Melayu tak (mampu) beli pada harga yang mahal. Kalau nak ikut harga pasaran, orang Melayu tidak akan masuk semula ke Kampung Baru," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan perasmian Ekspo Peralatan Perubatan Malaysia (MEDDEX) 2019, di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad dilaporkan berkata, kerajaan akan membuat tawaran baharu kepada pemilik tanah Kampung Baru bagi menyelesaikan kemelut pembangunan kampung itu.

Tawaran berkenaan yang bakal diumumkan minggu depan disifatkan sebagai yang terakhir oleh kerajaan, susulan perbincangan yang dibuat menteri itu dengan Dr Mahathir, minggu lalu.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan menawarkan kadar istimewa kepada pemilik tanah terbabit supaya mereka mampu membeli semula unit hartanah yang akan dibangunkan nanti.

"Kalau nak ikut harga tanah di luar Kampung Baru, ada yang sampai RM7,000 sekaki persegi. Jika kita buat macam itu (tawar harga tinggi), orang Melayu sudah tidak lagi (tidak mampu) tinggal di Kampung Baru.



*Kampung Baru yang terletak berhampiran kawasan segi tiga emas bandar raya Kuala Lumpur. (Foto hiasan)*

"Sebab itu, kita bagi harga istimewa, murah. Kita boleh buat bangunan apartmen dan flat yang lebih murah yang mampu milik kepada orang Melayu," katanya.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa Belanjawan 2020 tidak menyediakan peruntukan untuk projek berimpak tinggi di Kelantan dan Terengganu seolah-olah mencerminkan hukuman ke atas rakyat negeri itu, Dr Mahathir menegaskan, dua negeri terbabit tidak pernah dipinggirkan.

"Kita bagi juga peruntukan kepada Kelantan. Di zaman dia (Barisan Nasional), peruntukan daripada royalti petroleum pun tak bagi, kita bagi (royalti). Dia (kerajaan terdahulu) hutang orang tak bayar, kita kena bayar. Lepas tu dia marah kita kenapa hutang banyak. Dia yang hutang, bukan kita (buat) hutang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menjelaskan, kritiknya terhadap projek Forest

City di Johor sebelum ini tidak boleh disamakan dengan penurunan nilai ambang hartanah kepada warga asing pada RM600,000.

"Dulu saya kritik Forest City sebab ia pegangan bebas dan terlalu mewah bagi warga asing membeli. Sebab utama kita buat ini (penurunan nilai ambang hartanah) kerana terlalu banyak lambakan hartanah tidak terjual. Kita perlu hapuskan lambakan ini supaya pasaran hartanah kembali pulih. Jika tidak, pemaju akan bermasalah," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika ditemubual Geng Pagi Hot FM pada 9 Oktober lalu sebelum rakamannya disiarkan semalam, berkata usaha untuk memulihkan maruah Melayu hanya dapat dicapai jika kaum itu mempamerkan kebolehan, rajin dan ikhlas serta mempunyai nilai murni.

"Orang Melayu sendiri kena berusaha memulihkan maruah me-

reka, bukannya mengharap orang lain melakukannya. Maruah orang Melayu tidak akan pulih jika kerja memulihkan itu diserahkan kepada orang lain.

"Maka, untuk memulihkan maruah, orang Melayu kena tunjuk kebolehan, tunjuk boleh buat apa saja yang orang lain boleh buat. Jika ingin berjaya, kena melaksanakan tugas diberikan sebaik mungkin. Jika diberi kuasa, jangan salah guna kuasa atau buat perkara dilarang," katanya.

Ditanya ciri-ciri dan karakter perlu ada pada pemimpin masa depan negara, Dr Mahathir berkata, mereka perlu mempunyai keikhlasan untuk bekerja dan memberi tumpuan menjalankan kerja yang diamanahkan.

Paling penting, tegasnya, pemimpin berkenaan bukan bekerja untuk diri sendiri sahaja, tetapi juga untuk rakyat dan perlu lebih rajin serta mampu menyelesaikan masalah dihadapi orang yang dipimpin.